

## **PROMOSI PULANGAN TUNAI SERTA-MERTA HLB CONNECT DUITNOW QR**

### **(English Version)**

Last Updated on 29 Mei 2026

### **TEMPOH PROMOSI**

**“Promosi Pulangan Tunai Serta-Merta DuitNow QR HLB Connect” (“Promosi”)** Hong Leong Bank Berhad (19340100023 (97141-X)) (**“HLB”**) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (**“HLISB”**) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai **“Bank”**”) bermula pada 3 Jun 2026 dan berakhir pada 4 Ogos 2026 (**“Tempoh Promosi”**), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi (**“T&S”**):

### **KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka untuk pelanggan individu baharu dan sedia ada Bank yang merupakan pengguna HLB Connect (**“HLB Connect”**) dan memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (**“CASA/CASA-i”**) dengan Bank, atau Akaun HLB Meezani-i dengan HLISB dan/atau Kad Kredit HLB (**“Kad Kredit”**) dengan HLB (selepas ini dirujuk sebagai **“Pelanggan”**).
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang:
  - (i) pernah melakukan, atau Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai Pelanggan telah melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
  - (ii) sedang menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
  - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini, terma dan syarat CASA/CASA-i, Akaun HLB Meezani-i dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun dan/atau Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect (dipanggil secara kolektif **“Terma dan Syarat yang Terpakai”**) pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

### **TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG**

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut semasa Tempoh Promosi:
  - (a) **Untuk Pelanggan yang masih belum mendaftar untuk HLB Connect sebelum Tempoh Promosi:** Mendaftar untuk HLB Connect dan lakukan transaksi DuitNow QR kepada pedagang tempatan di Malaysia (**“QR Pay to POS”**) melalui ciri QR Pay pada Aplikasi HLB Connect (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect

baharu) dengan perbelanjaan minimum sebanyak Sepuluh Ringgit (RM10) setiap transaksi menggunakan CASA/CASA-i, Akaun HLB Mezzani-i atau Kad Kredit pada Aplikasi HLB Connect; ATAU

- (b) **Untuk Pelanggan HLB Connect yang sedia ada:** Log masuk ke Aplikasi HLB Connect dan lakukan **QR Pay to POS** melalui ciri QR Pay pada Aplikasi HLB Connect (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect sedia ada) dengan perbelanjaan minimum Sepuluh Ringgit (RM10) setiap transaksi menggunakan CASA/CASA-i, Akaun HLB Mezzani-i atau Kad Kredit pada Aplikasi HLB Connect.

(Pelanggan yang telah memenuhi semua syarat yang dinyatakan di bawah Klausa 3 di atas selepas ini akan dirujuk sebagai **“Pelanggan yang Layak”**).

4. Pelanggan yang Layak berpeluang untuk memenangi pulangan tunai serta-merta DuitNow QR (**“Pulangan Tunai Serta-Merta”**) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1: Pulangan Serta-Merta**

Minggu Promosi	Segmen Pulangan Tunai	Kaedah Pemilihan Pemenang	Peruntukan Mingguan Pulangan Serta-Merta
<b>Minggu 1:</b> 3 Jun – 9 Jun 2026	<b>POS QR:</b> RM0.10 Pulangan Tunai Serta-Merta	<ul style="list-style-type: none"> <li>Setiap Pelanggan yang Layak boleh memperoleh Pulangan Tunai Serta-Merta sehingga RM0.60 setiap Minggu Promosi semasa Tempoh Promosi, tertakluk kepada Jumlah Pulangan Tunai Maksimum seperti yang ditakrifkan di bawah.</li> <li>Setiap Pelanggan yang Layak boleh memperoleh Pulangan Tunai Serta-Merta sehingga RM5.40 sepanjang Tempoh Promosi (<b>“Amaun Pulangan Tunai Maksimum”</b>).</li> <li>Pulangan Tunai Serta-Merta akan diberi atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada Pulangan Tunai Serta-Merta Mingguan yang diperuntukan.</li> </ul>	RM8,800
<b>Minggu 2:</b> 10 Jun – 16 Jun 2026			RM8,800
<b>Minggu 3:</b> 17 Jun – 23 Jun 2026			RM8,800
<b>Minggu 4:</b> 24 Jun – 30 Jun 2026			RM8,800
<b>Minggu 5:</b> 1 Julai – 7 Julai 2026			RM8,800
<b>Minggu 6:</b> 8 Julai – 14 Julai 2026			RM8,800
<b>Minggu 7:</b> 15 Julai – 21 Julai 2026			RM8,800
<b>Minggu 8:</b> 22 Julai – 28 Julai 2026			RM8,800
<b>Minggu 9:</b> 29 Julai – 4 Ogos 2026			RM8,800

### **PENGUMUMAN DAN PEMENUHAN PEMENANG**

5. Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan mengenai kemenangan Pulangan Tunai Serta-Merta melalui skrin transaksi yang dipaparkan pada Aplikasi HLB Connect selepas setiap transaksi QR Pay to POS yang berjaya ("**Pemenang Pulangan Tunai Serta-Merta**").
6. Pulangan Tunai Serta-Merta akan dikreditkan ke dalam akaun pemenang CASA/CASA-i, Akaun HLB Meezani-i dan/atau Kad Kredit dengan HLB secara serta-meta.
7. Setelah jumlah Peruntukan Pulangan Tunai Serta-Merta Mingguan mencapai had, tiada lagi Pulangan Tunai Serta-Merta akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak bagi jam atau hari seterusnya dalam Minggu Promosi tersebut. Pihak Bank tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk memaklumkan Pelanggan yang Layak apabila had maksimum Peruntukan Pulangan Tunai Serta -Merta Mingguan telah dicapai.
8. Pulangan Tunai Serta-Merta tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada kredit pendahuluan, cek atau manfaat yang sama nilai.
9. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Pulangan Wang Tunai Serta-Merta disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah.

### **AM**

10. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:
  - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Terpakai;
  - (ii) bersetuju bahawa semua rekod tentang pemenuhan syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Hadiah dan pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan mengikat;
  - (iii) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka seperti nombor telefon, dan/atau alamat e-mel kepada pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") dan/atau e-mel servis untuk Promosi ini seperti Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U));
  - (iv) bersetuju untuk bertanggungjawab menyediakan butiran kontak mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan memaklumkan Bank dengan segera sekiranya berlaku sebarang perubahan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak. Tambahan pula, Bank tidak bertanggungjawab ke atas SMS dan/atau e-mel tidak sampai yang disebabkan oleh butiran hubungan yang tidak tepat yang diberikan atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Bank;

- (v) bersetuju untuk menyemak laman web Promosi ([www.hlb.com.my/connectqrpay](http://www.hlb.com.my/connectqrpay)) ("**Laman Web Promosi**") dengan kerap untuk melihat T&S kepada Promosi dan untuk terus mengikuti perubahan atau variasi kepada T&S;
- (vi) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak adalah bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan yang Layak memiliki simpanan peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS dan/atau e-mel dan ketersediaan dan kualiti perkhidmatan telefon mudah alih/penyedia perkhidmatan rangkaian internet yang berkenaan, dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan apa pun sekiranya berlaku seperti:
  - (a) SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau;
  - (b) e-mel terlambat, tidak dihantar atau sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan yang Layak;(selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**").

Oleh itu, Bank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga daripada sebarang kelewatan atau kegagalan dalam menerima sebarang penghantaran SMS dan/atau e-mel daripada Bank dan begitu juga sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Bank tidak akan memproses sebarang rayuan untuk kelewatan atau kegagalan yang disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian yang berada di luar kawalan munasabah Bank;

- (vii) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan
  - (viii) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
11. Bank berhak:
- (i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan melalui Laman Web Promosi;
  - (ii) membatalkan Pulangan Wang Tunai Serta-Merta yang diperoleh sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat yang Terpakai; dan
  - (iii) untuk menarik balik Pulangan Wang Tunai Serta-Merta sekiranya terdapat sebarang penipuan dan/atau pelanggaran yang dikesan terhadap Terma dan Syarat yang Terpakai.

12. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
13. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang tersenarai di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Promosi akan digunakan.
14. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
15. Melainkan dinyatakan sebaliknya, kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Ahli PIDM. Produk-produk CASA/CASA-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit ([rujuk Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#))**

**Akaun HLB Meezani-i tidak dilindungi oleh PIDM.**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi English, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899.